



TEKS UCAPAN

MAJLIS PERASMIAN PENYAMPAIAN ZAKAT DAN BERBUKA PUASA RISDA NEGERI KELANTAN

OLEH

**TN.HJ. WAN MOHAMAD ZUKI BIN HJ. MOHAMAD
TIMBALAN KETUA PENGARAH RISDA (PENGURUSAN & KORPORAT)**

DEWAN SEKOLAH MENENGAH LONG GAFFAR,
KUBANG KERIAN, KELANTAN
26 SEPTEMBER 2008
5.00 PETANG

Salutation

Yang Berusaha Saudara Pengerusi Majlis

Yang Berbahagia Tan Sri Rahim bin Tamby Chik
Pengerusi RISDA

Yang Dihormati Tn. Hj. Khalid bin Awang Said
Pengarah RISDA Negeri Kelantan

Yang Dihormati En. Mohd. Fauzi bin Ismail
Ketua UMNO Bahagian Kubang Kerian

Para jemputan dan Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormat
Sekelian

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

1. PENGHARGAAN

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurniaNya, dapat kita berkumpul di Majlis Penyampaian Zakat Anak Syarikat RISDA dan Majlis Berbuka Puasa RISDA Negeri Kelantan Tahun 2008.

Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berbahagia Tan Sri Rahim bin Tamby Chik,

3

Pengerusi RISDA di atas kesudian untuk menyempurnakan majlis pada hari ini.

Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada En. Mohd. Fauzi bin Ismail, Ketua UMNO Bahagian Kubang Kerian serta Tuan Pegawai Pembangunan Jajahan JPP Kota Bharu serta Tuan Pengetua Sekolah Menengah Long Gaffar kerana sudi hadir sama dalam majlis yang amat bermakna ini.

4

PEMBAYARAN BANTUAN ZAKAT

Pada tahun ini, Anak Syarikat RISDA iaitu Estet Pekebun Kecil atau ESPEK dan RISDA Plantation Sdn Bhd atau RPSB telah mengeluarkan zakat untuk diagihkan kepada fakir miskin di seluruh negara. Jumlah zakat oleh ESPEK adalah RM 96,000 dan RPSB adalah RM50,000. Daripada jumlah ini, Negeri Kelantan telah diperuntukkan sejumlah RM20,000 dan zakat ini akan diserahkan kepada 225 orang fakir miskin. Adalah diharapkan pemberian zakat ini sedikit sebanyak dapat membantu golongan fakir miskin dalam persiapan menyambut Hari Raya ini.

5

PENUTUP

Akhir kata, sekali lagi saya bagi pihak Pengurusan RISDA merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berbahagia Tan Sri di atas usaha yang amat murni ini, moga-moga diberkati Allah S.W.T. Juga kepada Yang Dihormati En. Mohd. Fauzi bin Ismail, Ketua UMNO Bahagian Kubang Kerian dan Tn. Hj. Khalid bin Awang Said, Pengarah RISDA Negeri Kelantan serta J/kuasa atas sokongan dan kerjasama yang telah diberikan. Semoga Majlis ini memberi manfaat yang sepenuhnya kepada semua untuk lebih maju lagi di masa hadapan. Saya

6

mendoakan agar Tuan-tuan dan Puan akan terus maju akan terus cemerlang dalam mengharungi kehidupan yang lebih sejahtera.

Sekian, wabillahi taufik wasalamualaikum .